

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan nilai ringgit berbanding dengan matawang asing sejak tahun 2000 hingga 2014, apakah usaha Kerajaan untuk mengukuhkan nilai ringgit dan apakah punca nilai ringgit semakin rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan YB Ahli Parlimen Cheras dan Jasin pada 26 Mac dan 2 April kerana soalan-

soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang sama.

2. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kedudukan nilai ringgit adalah berdasarkan kepada kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, kedudukan nilai ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, untuk jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit akan mencerminkan asas-asas ekonomi negara.

3. Perlu diambil kira bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai sebarang sasaran tahap atau trend bagi kadar pertukaran berbanding dengan mana-mana mata wang tunggal. Ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan kita yang pelbagai berbanding dengan tumpuan kepada mata wang tunggal.

4. Pada keseluruhannya, semenjak Malaysia beralih kepada sistem

kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) pada 21 Julai 2005, ringgit telah meningkat sebanyak 15.9% berbanding dengan dolar AS dan meningkat secara purata sebanyak 9.2% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan[1] utama negara. Kekukuhan ringgit sepanjang tempoh ini mencerminkan prestasi ekonomi yang menggalakkan dan pengukuhan asas-asas ekonomi negara. Semenjak pertengahan tahun 2013, mata wang kebanyakan ekonomi membangun yang berkembang pesat, termasuk ringgit telah menyusut nilai, berikutan laporan mengenai kemungkinan ketika itu berlaku pengurangan program pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing*) di Amerika Syarikat dan seterusnya pengumuman yang dibuat oleh Rizab Persekutuan AS (*US Federal Reserve*) untuk mula mengurangkan kadar pelonggaran kuantitatif. Ringgit dan mata wang ekonomi bagi negara sedang pesat membangun yang lain juga dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan ekonomi serantau dan sentimen berhubung perkembangan di beberapa negara ekonomi sedang pesat membangun utama seperti Argentina, India dan Turki.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran, terdapat segmen dalam ekonomi yang mendapat manfaat daripada ringgit yang menyusut nilai dan segmen yang mengalami kerugian. Sebagai contoh, apabila ringgit menyusut nilai, pengeksport akan mendapat manfaat kerana barangan dan perkhidmatan negara akan menjadi lebih murah berbanding negara asing. Walaupun pada masa yang sama, harga barangan dan perkhidmatan yang diimport akan menjadi lebih tinggi.

6. Memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran pertukaran asing kekal teratur supaya ekonomi dapat membuat penyelarasan yang bersesuaian. Perkembangan pasaran pertukaran asing ringgit, berserta dengan liberalisasi akaun kewangan sejak beberapa tahun yang lepas, juga telah membolehkan pepadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik, justeru mengurangkan tekanan yang berlebihan pada ringgit.